

30 SEP 1996

Melayu

PENGAJIAN MELAYU KIAN DIMINATI DI CHINA

JERTEH, 30 Sept (Bernama) -- Kursus Pengajian Melayu kini semakin diminati pelajar pusat pengajian tinggi di China sejak Malaysia dikenali pada peringkat antarabangsa.

Pensyarah kanan Pengajian Melayu Universiti Pengajian Asing Beijing (BFSU) Prof. Wu Zong Yu berkata, ramai pelajar China ingin mempelajari Bahasa Melayu kerana tertarik dengan ketokohan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, pelajar pengajian itu kini meningkat kepada 40 orang berbanding 16 orang ketika ia mula-mula diperkenalkan di China pada tahun 1961.

"Kami merancang untuk mewujudkan sebuah pusat Pengajian Melayu di China mulai tahun depan," kata Prof Wu pada majlis meraikan rombongan 23 pelajar dan pensyarah BFSU ke daerah Besut malam tadi.

Prof Wu berkata pihaknya berharap dapat menandatangani memorandum persefahaman dengan kerajaan Malaysia bagi membolehkan ia mendapat bantuan teknikal dan tenaga pengajar.

Beliau berkata BFSU berharap Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dapat membantu membekal tenaga pengajar bagi memperkembangkan pengajian Bahasa Melayu di China.

Prof. Wu berkata beliau yakin pengajian bahasa Melayu di China akan terus berkembang dan dapat menandingi bahasa lain pada masa akan datang.

-- BERNAMA

ND FAZ